

Jabatan Pendaftar

**" KEDAH SEJAHTERA "**

UUM/PEN/C-5/5 Jld. 1

19 April 2010

Semua Penolong Naib Canselor  
Pengarah Institut/Pusat/Unit  
Ketua Jabatan  
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan

**KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
YANG MENDERMA ORGAN**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat LPU ke 66 Bil. 2/2010 pada 06 April 2010 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil 03/2010 berkaitan dengan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang Menderma Organ.

Untuk makluman, berdasarkan pekeliling tersebut Kerajaan telah memperuntukan kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (contract of service).

Kadar Cuti Tanpa Rekod yang boleh diluluskan adalah mengikut tempoh yang diperakukan oleh pegawai perubatan pakar atau tidak melebihi 42 hari, mengikut yang mana lebih rendah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Cuti tersebut bermula dari tarikh pegawai dibenarkan pulang ke rumah bagi menjalani proses pemulihan.

Bagi tempoh pegawai dimasukkan ke hospital untuk menjalankan ujian, pembedahan dan tempoh sebelum dibenarkan discaj dari hospital, pegawai boleh diberi kemudahan Cuti Sakit berdasarkan sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh pihak hospital dan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini hanya terpakai untuk pembedahan yang dijalankan di dalam negara sahaja.

Kemudahan ini berkuatkuasa mulai **01 Februari 2010**.